

# BULETIN MAME 2021

Jilid 4 Isu 2  
Edisi: Oktober 2021

## Ahli Jawatankuasa Penerbitan Buletin

Pengerusi

Prof. Madya Dr. Ramona Mohd. Tahir

Penasihat

Dr. Lim Zek Chew

Dr. Wong Huey Yi @ Colleen Wong

YM Raja Nadiah Binti Raja Zaharuddin Shah

Ketua Editor

Dr. Md Jais bin Ismail

Editor

Yeow Su En

Koh How Earn

Maria binti Mohd Hatar

Muhammad Syaraff bin Alwi

Pereka Grafik

Lim Li Wen

## DALAM ISU INI:

MESYUARAT AGUNG  
MAME

PERSIDANGAN  
PENDIDIKAN MUZIK  
MALAYSIA (MUSED'21)

SINERGI ILMU: MAME  
ONLINE SERIES

ARTIKEL DAN ISU SEMASA





## Kata Aluan Presiden MAME

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah kerana kita diberi peluang untuk bertemu semula di Buletin MAME buat kali kedua pada tahun 2021 terutamanya dalam keadaan semasa di mana negara dan dunia masih berhadapan dengan cabaran pandemik COVID-19. Berbanyak terima kasih kepada Jawatankuasa Buletin MAME yang terdiri daripada Ketua Editor, Dr. Md Jais Bin Ismail, para penasihat serta editor dan pereka grafik kerana berjaya menghasilkan Edisi Oktober 2021!

Pada tahun ini, MAME telah menumpukan kepada empat (4) fokus utama, iaitu pengajaran dan pembelajaran muzik di sekolah, advokasi, pengembangan dan latihan profesional pendidik muzik serta jaringan dan rakan kongsi. Antara pencapaian ke arah ini pada 2021 adalah pengiktirafan MAME sebagai ahli jawatankuasa Gabungan Persatuan Industri Muzik Malaysia (*Music Malaysia*) dan ahli *Council of Professional Organizations (CoPA) International Society for Music Education (ISME)*; *MAME Online Series #6 - #12* yang memaparkan pelbagai topik bagi membantu para pendidik muzik untuk menjalankan pendidikan seni muzik dengan lebih berkesan; penganjuran Malaysian Folksongs Festival, jaringan kerjasama dengan *Malaysian Philharmonic Orchestra (MPO)* dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL); dan penganjuran Persidangan Pendidikan Muzik Malaysia (MusEd'21) bersama Fakulti Muzik UiTM yang melibatkan 214 peserta pendidik muzik dari dalam dan luar negara.

Pada baki tahun ini dan tahun-tahun 2022 dan 2023, MAME akan terus dengan empat (4) fokus utama persatuan dengan tumpuan kepada projek MAME1000 untuk menambah ahli dan pengalaman keahlian, program jangkauan komuniti, penubuhan "action groups" bagi menggerakkan agenda MAME, jaringan dengan organisasi sasaran, advokasi dengan pihak berkepentingan pendidikan muzik, dan latihan profesional pendidik muzik. Anugerah Geran Gilbert De Greeve 2022 akan diumumkan pada awal tahun 2022 untuk menjemput permohonan daripada kalangan ahli MAME.

Terima kasih atas sokongan berterusan saudara-saudari kepada MAME dan pendidikan seni muzik di Malaysia. Bilangan ahli yang ramai dan komitmen ahli terhadap MAME akan membolehkan MAME bersuara bagi pihak Pendidikan Muzik di Malaysia.

Sekian. Terima kasih.

Profesor Madya Dr. Ramona Mohd. Tahir  
Presiden  
Persatuan Pendidikan Muzik Malaysia Baru (MAME)

## Tahniah atas pelantikan Ahli Jawatankuasa MAME

### Sesi 2021-2023

<b>Presiden</b>	: Prof. Madya Dr. Ramona Binti Mohd. Tahir
<b>Timbalan Presiden</b>	: Puan Susanna Saw
<b>Setiausaha</b>	: YM Raja Nadiah Binti Raja Zaharuddin Shah
<b>Penolong Setiausaha</b>	: Dr. Salasiah Abbas
<b>Bendahari</b>	: Dr. Lim Zek Chew
<b>AJK</b>	: 1. Dr. Wong Huey Yi @ Colleen Wong 2. Stefanus Lucas
<b>Juruaudit</b>	: 1. Dr. Nadia Widyawati Binti Madzhi 2. En. Lim Li Wen



## MESYUARAT AGUNG DWI-TAHUNAN YANG KETIGA



Mesyuarat Agung Persatuan Pendidikan Muzik Malaysia yang ke-3 telah diadakan secara atas talian pada 22 Ogos 2021 bermula 10.00 pagi hingga 1.30 petang. Seramai 63 orang ahli telah hadir menjayakan mesyuarat melalui platform Zoom. Profesor Madya Dr. Ramona telah diberi kepercayaan

menerajui MAME sekali lagi sebagai Presiden bagi sesi 2021-2023. Melalui Mesyuarat Agung ini juga ahli jawatankuasa MAME 2019-2021 telah dibubarkan dan diganti dengan wajah-wajah baharu ahli jawatankuasa yang terdiri daripada pensyarah dan guru-guru muzik Malaysia.



Antara usul dan hal berbangkit dalam mesyuarat ini termasuk cadangan penghasilan lagu rasmi, bendera rasmi dan lencana rasmi pertubuhan. Selain itu, terdapat ahli yang mengusulkan penambahbaikan tatacara pengurusan kewangan MAME, pemerkasaan Pendidikan Muzik untuk golongan berkeperluan khas,

pengurusan Pendidikan Muzik yang lebih berkesan di sekolah, perluasan program pertandingan muzik, dan penganjuran kursus Kajian Tindakan Pendidikan Muzik. Ahli mesyuarat telah bersetuju untuk meminda undang-undang Perlembagaan Fasal 8(1) kepada Perlembagaan Fasal 9(1) dan Perlembagaan Fasal 9(2) serta Fasal 10.

Dalam mesyuarat ini juga, presiden telah mengumumkan **Geran Gilbert De Greeve 2021** dianugerahkan kepada Encik Abdul Manaf bin Md. Jusoh yang merupakan guru muzik dari Sekolah Kebangsaan Seksyen 9, Shah Alam, Selangor.

Laporan disediakan oleh: Dr. Md Jais Ismail

## PERSIDANGAN PENDIDIKAN MUZIK 2021 (MusEd'21)



[https://youtu.be/QP1QzAS\\_LZ4](https://youtu.be/QP1QzAS_LZ4)

Persatuan Pendidikan Muzik Malaysia (MAME) dan Fakulti Muzik, Universiti Teknologi MARA (UiTM) telah menganjurkan Persidangan Pendidikan Muzik 2021 (MusEd'21) pada 20 hingga 22 Ogos 2021 yang lalu. Persidangan tiga hari ini telah dijalankan secara atas talian melalui platform Zoom dengan penyertaan seramai 96 orang peserta dan 81 pembentang kertas kerja dari dalam dan luar negara. Persidangan ini telah dirasmikan oleh Alfons Karabuda, Presiden *International Music Council* (IMC) dan disusuli dengan ucap-tama konferen daripada Profesor Emily Achieng' Akuno, Presiden *International Society for Music Education* (ISME), dan Datin Saidah Rastam, komposer dan penggiat muzik Malaysia. Dengan tema '*Inclusive, Engaging, Borderless*', persidangan ini telah mendapat sokongan daripada badan-badan muzik ternama seperti YAMAHA Music, *Associated Board of the Royal Schools of Music* (ABRSM), Roland, Bentley, JS Music, SIM Music, dan *Sound Thinking Australia*. Antara figura yang turut hadir menjayakan persidangan ini ialah Datuk Syafinaz Selamat, Sissy Iman, Datuk Mustafa Fuzer, Ng Chor Guan, Ryan Lewis dan ramai lagi. Pembentangan dari kategori kertas kajian, bengkel, demonstrasi pengajaran, poster, masterclass, forum dan diskusi panel menyentuh aspek Pendidikan Muzik seperti pedagogi, pendekatan pengajaran, kurikulum pengajaran, pengajaran muzik atas talian, muzik tradisional, Pendidikan muzik untuk golongan berkeperluan khas dan kumpulan minoriti. Persidangan MusEd'21 ini turut dimeriahkan dengan konsert dan *Malaysian Folksong Festival* yang disiarkan melalui saluran YouTube pada malam hari. Pada akhir persidangan, Presiden MAME, Profesor Madya Dr. Ramona Mohd Tahir telah membentangkan resolusi konferen yang antara lainnya menyentuh aspek kepentingan Pendidikan Muzik tanpa sempadan, pelaksanaan Pendidikan Muzik untuk menyediakan pengalaman muzikal yang bermakna, Pendidikan Muzik untuk menyuntik nilai dan kesedaran muzik di sekolah, memupuk ekosistem Pendidikan Muzik yang sempurna, dan mempergiat usaha strategik yang selaras dengan kehendak semasa.

Laporan disediakan oleh: Dr. Md Jais Ismail

## AKTIVITI MAME JANUARI-OGOS 2021

### *MAME Online Series #6: Music Education in the World of Special Needs School*



Pada 30 Januari 2021 (Sabtu) MAME telah mengadakan satu sesi perkongsian pengalaman oleh Tham Pei Wen dari Singapura dan Stefanus Lucas dari Malaysia. Kedua-dua penceramah kali ini merupakan guru muzik yang mengajarkan murid-murid keperluan khas.

Tham Pei Wen mempunyai murid-murid autism dan beliau telah menggunakan kaedah Kodály dalam pengajarannya secara dalam talian di mana beliau menggunakan lagu rakyat, notasi lidi, kaedah solfa dan sebagainya. Beliau juga telah berkongsi pengalaman berdepan dengan murid-murid autism dan memberi penekanan bahawa pengajaran rutin adalah penting bagi murid-murid autism. Beliau juga memberi cadangan bahawa tempoh masa yang sesuai untuk

melaksanakan kelas muzik bagi murid berumur 8 hingga 14 tahun secara dalam talian adalah 20 hingga 30 minit.

Stefanus Lucas berkongsi pengalaman beliau mengajar murid-murid autism di SK Pendidikan Khas, Tuaran. Dapat dilihat daripada rakaman video, murid autism dalam kelas beliau berbakat dan menunjukkan kesedaran muzikal yang tinggi. Beliau memberi cadangan bahawa penggunaan pelbagai kaedah pengajaran adalah penting untuk pengajaran muzik dalam talian. Beliau juga menyatakan bahawa guru muzik perlu mendekati murid-murid autism dengan cara berkelakuan seperti mereka. Dari segi pembahagian masa pengajaran kelas muzik secara atas talian, beliau juga sependapat dengan Tham Pei Wen bahawa masa yang diperuntukkan haruslah sekitar 15 -20 minit.



Laporan disediakan oleh: Yeow Su En

## *MAME Online Series #7: An Introduction to Teaching Music Remotely and Effectively*



The poster features the MAME logo at the top left, with logos for Universiti Teknologi MARA and Fakulti Muzik to its right. A circular portrait of Dr. Ahmad Rithaudin Md Noor is positioned in the upper right. The central text reads 'MAME ONLINE SERIES #7' and 'Teaching Demonstration: An Introduction to Teaching Music Remotely and Effectively'. Below this, the date and time '20 Feb 2021 | 2 P.M. - 3.20 P.M.' are listed. A QR code is located in the lower left, and a 'Registration Form' section below it lists admission fees: 'MAME Members (Free)', 'Non-MAME Members (RM20)', and 'International participants (USD10)'. A bio for Dr. Ahmad Rithaudin Md Noor is on the right, describing his background and expertise in music education technology. At the bottom, contact information 'For queries, please email admin@mame.org.my' is provided.

**MAME ONLINE SERIES #7**

Teaching Demonstration:  
**An Introduction to Teaching Music Remotely and Effectively**

20 Feb 2021 | 2 P.M. - 3.20 P.M.

Dr. Ahmad Rithaudin Md Noor is a music educator specializing in music education technology. He earned his masters and doctorate degrees from the Frost School of Music, University of Miami, USA and is currently a Senior Lecturer at the Music Education Department, UiTM Faculty of Music.

As an avid technologist, he has actively promoted digital technology for classroom teaching at the primary, secondary and tertiary levels by regularly conducting tech-centric workshops such as audio-video and multimedia production, digital classrooms teaching and management, and digital office automation for organizations such as TUDM, UiTM, Giat Mara and the Ministry of Education, to name a few.

**Registration Form**

Admission:

- MAME Members (Free)
- Non-MAME Members (RM20)
- International participants (USD10)

For queries, please email [admin@mame.org.my](mailto:admin@mame.org.my)




Pada 20 Februari 2021 lalu, MAME telah mengadakan satu sesi perkongsian ilmu yang bertajuk 'Pengenalan Kepada Pengajaran Muzik Berjarak Jauh Secara Berkesan (*An Introduction to Teaching Music Remotely and Effectively*). Sesi Perkongsian ini disampaikan oleh Dr. Ahmad Rithaudin Md Noor, pensyarah Fakulti Muzik, Universiti Teknologi MARA (UiTM). Peserta telah diberikan maklumat yang padat mengenai cara berkesan pengajaran Pendidikan Muzik dilaksanakan secara jarak jauh. Pengajaran muzik secara jarak jauh adalah lebih praktikal sepanjang tempoh Pandemik. Seperti yang dimaklumkan, Dr. Ahmad Rithaudin juga merupakan pensyarah yang sangat mahir dan melibatkan diri secara aktif dalam bidang pengajaran menggunakan teknologi selama ini. Menerusi sesi ini yang dianjurkan bersama MAME dan Fakulti Muzik, UiTM, banyak input dan sokongan

telah berjaya diperkasakan kepada pendidik dalam menangani cabaran mereka dalam pengajaran Pendidikan Muzik.

Laporan disediakan oleh: Koh How Earn

## MAME Online Series #8: Dondang Sayang

Pada 27 Mac 2021 MAME telah menjemput Puan Norliza Hj Md Yamin sebagai penceramah bagi sesi kali ini. Beliau merupakan seorang Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid Sekolah Kebangsaan Tedong, Melaka. Dalam sesi perkongsian kali ini, Puan Norliza telah menerangkan tentang salasilah asal usul Dondang Sayang serta teknik-teknik berpantun. Beliau menekankan bahawa nyanyian dalam Dondang Sayang perlulah berpantun, menggunakan suara yang lantang dan jelas, tetapi tidak perlu nyanyian secara vibrato. Beliau juga berkongsi pengalaman beliau bahawa nyanyian “sumbang” boleh menjadi penarik kepada Dondang Sayang. Beliau juga menerangkan beberapa syarat penting dalam pertandingan Dondang Sayang. Di samping itu, beliau juga mempamerkan beberapa contoh video yang menunjukkan kepelbagaian majlis yang menggunakan persembahan Dondang Sayang.



Laporan disediakan oleh: Yeow Su En



## MAME Online Series #9: Teaching with Ipad

Usaha pendidik dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPr) perlu sokongan daripada alat-alat atau peranti seperti komputer, mikrofon, 'webcam' dan sebagainya demi mencapai matlamat dan objektif pengajaran yang berorientasikan kepada murid. Dengan tujuan ini, MAME telah mengadakan Bengkel Pengajaran menggunakan Ipad secara atas talian pada 24 April 2021. Encik Helmi Rosli, penceramah bagi bengkel ini, juga merupakan coordinator di Jabatan Pendidikan Seni Muzik, Fakulti Muzik, UiTM. Perkongsian Encik Helmi telah memberi pengalaman baharu kepada golongan pendidik caranya untuk melaksanakan pengajaran secara interaktif. Kaedah ini adalah amat sesuai dengan perkembangan murid masa kini. Sesi bengkel ini juga memberi peserta peluang dan pendekatan yang bukan terhad kepada konvensional tetapi pembelajaran interaktif yang dapat memberi dimensi yang baharu kepada guru mahupun murid.

Laporan disediakan oleh: Koh How Earn

## MAME Online Series #10: Magnetic Touch

Pada 29 Mei 2021, MAME telah menjalinkan kerjasama dengan Jabatan Pendidikan Muzik, IPG Kampus Ilmu Khas dalam satu penganjuran siri ceramah iaitu "Magnetic Touch: Teaching How To Play the Recorder to the Blind" / Sentuhan Magnetik: Inovasi Muzik untuk Masalah Penglihatan secara atas talian melalui aplikasi "Google Meet".

**MAGNETIX TOUCH**  
Teaching How to Play the Recorder to the Blind

29 MEI 2021  
2.30 - 3.30 petang  
VIA GOOGLE MEET

ONE TOUCH SATU SENTUHAN  
ONE SOUND SATU BUNYI  
ONE EXPERIENCE SATU PENGALAMAN

Borang Pendaftaran  
<https://forms.gle/QXgXgT9U11KQ4t4PG8>

Edna Shamani Wellington  
Ching Ing Hoe  
Yusri Hj Hussain  
Rozaina Abd Razak

3E's Explore (experience) Express (menggunakan) Experience (pengalaman)


MAME MAME online series #10

Jabatan Pendidikan Muzik, IPG Kampus Ilmu Has



Penceramah yang terlibat ialah Pn. Edna Shamani Wellington, Pn. Ching Ing Hoe, En. Yusri Hj Hussain dan Pn. Rozaina Abd Razak. Selama 1 jam berlangsungnya perkongsian ilmu ini, bermula jam 2.30 petang hingga 3.30 petang. Para peserta didedahkan dengan kaedah inovasi yang telah dicipta khas untuk memudahkan murid-murid dari Sekolah Pendidikan Khas kategori Masalah Penglihatan untuk mereka belajar rekoder dengan mudah. Selain itu, inovasi ini turut membantu memudahkan guru-guru


khasnya dari Sekolah Pendidikan Khas yang bukan dari bidang opsyen Pendidikan Muzik untuk mengajar cara memainkan rekoder kepada murid-murid mereka.



Inovasi ciptaan ini telah memenangi pelbagai anugerah dan mendapat pengiktirafan sehingga peringkat Antarabangsa seperti:

1. Golden Award – Innovation Carnival Competition IPGKIK (25-26 April 2017)
2. Case Study Presented during the 8<sup>th</sup> Pedagogy International Seminar (19-20 Sept 2017)
3. Gold Award National Level – National Level Innovation Carnival IPG Kampus Sultan Mizan (23-25 April 2018)
4. Gold Award International Level – International Innovation In Teaching And Learning & Language Education Conference (i-InTeLEC 2019) Universiti Teknologi Mara, Kedah Branch (17-18 April 2019)
5. Perkongsian Inovasi dengan Ahli Persatuan Orang Buta Malaysia anjuran Kelab Amal Guru Buta MAB (KAGUM) & Kelab Penggiat Seni MAB (KEPSMAB) (22 Jun 2019)
6. Special Award (Anugerah Khas) 2020 MInD IPG 2020 (Minda Inovasi Dinamik) Institut Pendidikan Guru Malaysia 2020 kategori MInD PAMER 2020

7. Perkongsian Ilmu dengan Siswa Guru Masalah Penglihatan dari IPGKIK sempena Bulan Pendidikan Inklusif (2 April 2021)



Laporan disediakan oleh: Maria Mohd Hatar


## Music Education In Thailand



Pada 16 Jun 2021 yang lalu, satu sesi perkongsian ilmu berkenaan Pendidikan Muzik di Thailand telah diadakan dalam UiTM Music Education Series anjuran Fakulti Muzik, UiTM dengan kerjasama MAME. Sesi perkongsian ini disampaikan oleh *Assistant Professor* Dr. Dneya Uptaisuk dari Universiti Chulalongkorn, Thailand. Beliau juga merupakan penyelaras bagi Program Ijazah dalam Pendidikan Muzik dan mempunyai Ijazah dalam bidang Sains Politik serta Master dan PhD dari Universiti Missouri, Colombia. Selama 1 jam setengah, para peserta telah diberikan maklumat yang padat berkenaan 5 persoalan yang telah difokuskan iaitu:

1. *Is music offered in public school?*
2. *How long is the music class each week?*
3. *What music is taught? Who teaches music?*
4. *Where are music teachers trained?*
5. *Challenges in music education in Thailand*

Menurut Dr. Dneya, terdapat banyak masalah dan cabaran berhubung Pendidikan Muzik di Thailand namun beliau lebih gemar untuk berkongsi dan bercerita mengenai cara-cara untuk membantu menangani segala permasalahan. Antara kaedah penyelesaian yang sedang diusahakan dalam sistem pendidikan muzik di Thailand ialah melalui pendekatan *Competency-based Curriculum* berbanding pendekatan *Content-based Curriculum*.



Sumber foto: Maryann M Linnis, Pensyarah Fakulti Muzik, Universiti Teknologi MARA (UiTM)

Laporan disediakan oleh: Maria Mohd Hatar

## Melestarikan Pendidikan Muzik Di Sekolah Semasa Pandemik

Satu forum bertajuk 'Melestarikan Pendidikan Muzik Di Sekolah Semasa Pandemik' telah dilaksanakan pada hari pertama Persidangan MusEd'21 secara atas talian pada 20 Ogos 2021. Ahli-ahli panel forum termasuklah Encik Bakhtiar B. Mohd. Salleh (Ketua Penolong Pengarah Pendidikan Muzik, Bahagian Pembangunan Kurikulum, KPM), Encik Hasrul Hadi B. Ahmad (Ketua Penolong Pengarah Lembaga Peperiksaan, KPM), Puan Rozita Bt. Ahmad (Guru Besar SK Jalan 3, Bandar Baru Bangi) dan Encik Ong Zen Kai (guru SJKC Serdang Baru 1).

Moderator bagi sesi perbincangan ini ialah Prof. Dr. Shahanum Mohd Shah. Sesi yang berlangsung hampir dua jam ini telah memberi peluang pendidik muzik memahami isu dan cabaran dihadapi seterusnya merangka solusi dalam PdPr Pendidikan Muzik sepanjang tempoh pandemik.

Perbincangan ini juga merangkumi pandangan yang dikemukakan daripada pelbagai aspek dalam konteks Pendidikan Muzik Malaysia yang boleh dijadikan rujukan dan panduan untuk para guru Pendidikan Muzik pada masa akan datang.

**MELESTARIKAN PENDIDIKAN MUZIK  
DI SEKOLAH SEMASA PANDEMIK**

**AHLI PANEL**

**En. Bakhtiar B. Mohd. Salleh**  
Ketua Penolong Pengarah  
Pendidikan Muzik,  
Bahagian Pembangunan  
Kurikulum, KPM

**En. Hasrul Hadi B. Ahmad**  
Ketua Penolong Pengarah  
Lembaga Peperiksaan, KPM

**Puan Rozita bt. Ahmad**  
Guru Besar  
SK Jalan 3, Bandar Baru Bangi

**Cikgu Ong Zen Kai**  
SJK(C) Serdang Baru 1  
Seri Kembangan

**MODERATOR**  
Prof Dr Shahanum  
Mohd Shah

**20 OGOS  
2021  
2.30 - 4.00  
PTG**

**LIVE**

[www.mused21.com](http://www.mused21.com)  
Untuk mendaftar sebagai peserta  
persidangan

**MAMEQ** **SPM** **Ministry of Education** **YAMAHA MUSIC SCHOOL** **ABRSM** **INTERNATIONAL KODALY SOCIETY** **YCA** **YAMAHA MUSIC SCHOOL** **YAMAHA MUSIC SCHOOL** **YAMAHA MUSIC SCHOOL** **YAMAHA MUSIC SCHOOL**



Laporan disediakan oleh: Koh How Earn

### 30 Minit Adalah Memadai Untuk Kelas Pendidikan Muzik?

Pada 21 Ogos 2021 bersamaan hari ke-2 Persidangan MusEd'21 telah diadakan forum '30 Minit Adalah Memadai Untuk Kelas Muzik' secara atas talian. Ahli-ahli panel yang terlibat ialah Wan Mazni Bt. Wan AB Hamid (SMK Bandar Baru Sentul, KL), Valerie Sinti (Penolong Pengarah Sektor Pembangunan Murid, JPN Sabah) dan Abd. Manaf bin Md. Jusoh (SK Seksyen 9, Shah Alam) manakala moderator bagi sesi perbincangan ini ialah Profesor Dr. Zaharul Lailiddin bin Saidon. Antara persoalan yang dibincangkan ialah:

1. Apakah cabaran yang dihadapi guru dalam dalam mengendalikan kelas muzik selama 30 minit?
2. Bagaimanakah guru muzik dapat mengoptimumkan pengajaran mereka untuk menghabiskan silibus yang ditetapkan serta dapatan hasil pembelajaran?
3. Apakah implikasi kepada pengurangan masa pengajaran Pendidikan Muzik yang asalnya 60 minit sebelum ini namun telah berubah kepada 30 minit?
4. Apakah cadangan dalam menambah baik serta meningkatkan kualiti dalam sistem Pendidikan Muzik negara?

Kesimpulan yang diperolehi dari program yang berlangsung selama 1 jam ini ialah masa 30 minit untuk Pendidikan Muzik adalah tidak mencukupi jika dibandingkan dengan negara-negara lain. Namun guru perlu bersikap positif, mencari jalan yang terbaik, *be creative, be innovative*, dan merancang pengajaran se-optimum yang mungkin, mengurus bilik darjah dengan kemas dan menggunakan platform kokurikulum untuk mengembang lagi bakat murid dalam bidang muzik."



Sumber foto: Dr. Ahmad Rithaudin Md Noor, Pensyarah Fakulti Muzik, Universiti Teknologi MARA (UiTM)

Laporan disediakan oleh: Maria Mohd Hatar

## MusEd'21: The Orchestra Business: Education 'Gap', Job Scope and 'New' Skills

3 days ONLINE conference  
20 - 22 August

**THE ORCHESTRA BUSINESS: EDUCATION 'GAP', JOB SCOPE AND 'NEW' SKILLS**

PANELISTS

**Dr. Isabella Pek**  
Head of Music, City Hall of Kuala Lumpur (DBKL)

**Datuk Mustafa Fuzer Nawawi**  
Former Music Director,  
National Symphony Orchestra of Malaysia (NSO)

**En. Mohd Yazid Bin Zakaria**  
Director, Orkestra Traditional Malaysia (OTM)

**En. Ahmad Muriz Che Rose**  
Director, Malaysian Philharmonic Orchestra (MPO)

**En. Luqman Aziz**  
Leader, Orkestra RTM

Moderator  
Cik Soo Yi Yun

Scan for registration  
Link: <https://www.mused21.com/registration>

Pada 22 Ogos 2021 (Ahad) hari ke-3 Persidangan MusEd'21, satu forum perkongsian berkaitan bidang orkestra telah dijalankan secara dalam talian. Panel dalam forum ini terdiri daripada Dr. Isabella Pek dari Orkestra Kuala Lumpur Dewan Badaraya DBKL, Datuk Mustafa Fuzer Nawawi yang merupakan bekas pengarah muzik Orkestra Simfoni Kebangsaan Istana Budaya, En. Mohd Yazid Bin Zakaria yang merupakan pengarah Orkestra Traditional Malaysia (OTM), En. Ahmad Muriz Che Rose, pengarah Malaysia Philharmonic Orchestra (MPO) Dewan Filharmonik Petronas dan juga En. Luqman Aziz dari Orkestra Radio TV Malaysia (RTM). Moderator bagi forum ini ialah Cik Soo Yi-Yun.

Forum ini membincangkan cabaran yang dihadapi semasa pandemik oleh ahli muzik sepenuh masa di Malaysia mahupun secara global. Mereka juga membincangkan pelbagai cara untuk menjayakan persembahan muzik seperti persiaran secara langsung (live) dan penggunaan pelbagai platform dalam talian. Forum ini turut membincangkan tentang aspek penting dan harapan bagi golongan profesional pemuzik muda yang ingin menceburi bidang ini.

Laporan disediakan oleh: Yeow Su En

## *MusEd'21: Malaysian Folk Song Festival*

Malaysian Folk Song Festival merupakan festival yang pertama dianjurkan oleh Persatuan Pendidikan Muzik Malaysia (MAME) Baru pada tahun ini. Pertandingan ini terbahagi kepada kategori piano dan kategori vokal. Antara juri pertandingan kategori piano ialah Professor Gilbert De Greeve daripada Belgium dan En Loo Bang Heng. Juri untuk kategori vokal pula terdiri daripada Cik Faezah Hamdan dan Cik Khairunnisa Diyana Md Noor dari Fakulti Muzik, UiTM.

Malaysian Folk Song Festival ini telah diadakan sempena Persidangan MusEd'21 dan ditayangkan melalui platform YouTube. Lagu-lagu yang digunakan dalam pertandingan vokal dan piano terdiri daripada lagu-lagu rakyat Malaysia hasil gubahan Profesor Gilbert De Greeve.

Berikut merupakan keputusan Malaysian Folk Song Festival yang telah diumumkan pada 21 Ogos 2021.

### **Kategori Vokal (5-10 tahun)**

#### *Gold Diploma*

1. Carson Lee Kai Sheng
2. Chinta Zara binti Mohd Syazmin
3. Eunice Low Yin Qi
4. Soh Hui Chyi
5. Yong Lym

### **Pemenang untuk Kategori Vokal (5-10 tahun)**

1. Caryn Lee Kai ying (Tudung Saji)

### **Kategori Piano (5-12 tahun)**

#### *Silver Diploma*

1. Angelina Adaikalaraja
2. Beatrice Yee Jia Jia
3. Eng Zhong Ci
4. Joselyn Tan Jia Ying



5. Leow Chen Sze
6. Mysha Shuresh Kumar
7. Nur Amni binti Muhammad

#### *Gold Diploma*

1. Aryan Jeffrey bin Ghazaly
2. Chloe Wong
3. Chong Eun Huey
4. Choo Ernying
5. Eng Ern Cze
6. Fikri Hakimi bin Abdul Hakim
7. Janeeshaa Suresh
8. Joey Lim Jing Rou
9. Kelvin Ng Jing Khai
10. Lim Xin Ruie
11. Lua Ying Ying
12. Muhammad Uqail bin Md Norman
13. Myra Arissa binti Meor Azlan Syahril



14. Nicholas Ng Jun Khai
15. Oh Ern Qi
16. Tan Kyler
17. Tan Kyven
18. Tan Ze Ern
19. Wong Jia Ren

**Pemenang untuk Kategori Piano  
(5-10 tahun)**

1. Tan E Zhen (Jong Jong Inai)

**Kategori Vokal (11-17 tahun)**

*Silver Diploma*

1. Gerrilyn Tiew Jing Rou
2. Kuek Dee Lun
3. Nataleya Zasya Zakry
4. Quah Yee Lin
5. Sarah Kok Tung Xing
6. Sharon Kok Tung Xuan
7. Shaun Kok Tung Hur
8. Yong Joey

*Gold Diploma*

1. Eiliah Aminah binti Mohd Rashan Shah
2. Jett Low Kit Fu
3. Tan Yu Thung
4. Wai Hong Le
5. Yang Chin En

**Pemenang untuk Kategori Vokal  
(11-17 tahun)**

1. Jacqueline Yap Kar Mun (Lompat Si katak lompat)

**Kategori Piano (Terbuka)**

*Silver Diploma*

1. Berenice Yee Wan Ying
2. Eymen Brent Marconie
3. Irene Chai Pei Lyn
4. Milan Danial bin Meor Azlan Syahril
5. Nur Nilam Saffiya binti Rosden Effendi

*Gold Diploma*

1. Aliya Maria Ahmad Muriz
2. Emily Tan Jia Qi
3. Evangeline Liew
4. Hannah Tan Jia Yun
5. Ng Wan Yunn

**Pemenang untuk Kategori Piano  
(11-17 tahun)**

1. Tengku Mohamad Hadif bin Tengku Mohd Sharifudin (Jong Jong Inai)

**Kategori Vokal (18 tahun ke atas)**

*Silver Diploma*

1. Ooi Jo Ee
2. Ximin Phuan

*Gold Diploma*

1. Cheah Aunjie
2. Lilis Syafiza binti Mohd Yatim
3. Thompson Yunga

**Pemenang untuk Kategori Vokal  
(18 tahun ke atas)**

1. Mabel Soong Yongqi (Trek Tek Tek)

Ulang tayang persembahan pemenang boleh diakses secara atas talian melalui Youtube:  
<https://www.youtube.com/watch?v=O614qqFzzMM>

Laporan disediakan oleh: Lim Li Wen

## ARTIKEL

### PENGALAMAN MENGAJAR PIANO SECARA ONLINE DALAM KALANGAN SISWA GURU PENDIDIKAN MUZIK SEMASA PANDEMIK COVID 19

Disediakan oleh: Edna Wellington (Jabatan Pendidikan Muzik, IPG Kampus Ilmu Khas)

Ramai guru dan pensyarah muzik sejak kebelakangan ini telah menghadapi cabaran mengadaptasi realiti perubahan mengajar cara memainkan piano secara dalam talian/*online*. Ramai guru dan pensyarah muzik telah diberi kepercayaan untuk mengajar secara dalam talian dengan serta merta dan senario ini telah menyebabkan bermulanya percubaan untuk mengadaptasi pelbagai kaedah pengajaran yang baru. Adaptasi idea baru untuk menggantikan cara penyampaian tradisional telah menjadi titik permulaan kepada cara mengajar kemahiran amali secara dalam talian/*online*.


Pelbagai cara telah diadaptasi oleh tenaga pengajar dengan menggunakan pelbagai tapak penyampaian seperti *FaceTime*, *Skype*, *WeChat*, *WhatsApp* atau *Zoom* untuk menggantikan interaksi tradisional secara bersemuka iaitu di studio piano. Cara mengajar piano secara dalam talian/*online* telah dipraktikkan dengan bermulanya interaksi menggunakan *Google Meet* dalam tapak *Google Classroom* yang dibangunkan. Pengalaman belajar teknik permainan piano yang baru ini telah menjadi titik permulaan yang berbeza dalam kalangan siswa guru pendidikan muzik setiap minggu. Transisi norma baharu ini merupakan satu perubahan kepada cara siswa guru dilatih untuk menjadi bakal guru muzik di sekolah pada masa hadapan. Peranan tenaga pengajar dari segi cara penyampaian secara amali dalam talian juga menjadi cabaran dalam persekitaran yang luar biasa.

Gabungan cara penyampaian secara segerak dan tidak segerak melalui *Google Meet* telah dipraktikkan dalam persekitaran norma baharu semasa pandemik COVID-19. Penyampaian teknik permainan mengikut mod pengajaran secara segerak/*synchronous teaching* secara *Google Meet* dalam *Google Classroom* telah memberi peluang kepada siswa guru untuk berinteraksi dengan pensyarah muzik secara bersemuka seperti semasa kelas dilaksanakan di bilik muzik. Tapak *Google Meet* dalam *Google Classroom* telah berperanan seperti studio piano yang selama ini digunakan untuk sesi pengajaran dan pembelajaran.

Sebagai pengukuhan kepada pembelajaran yang lebih mendalam, mod pembelajaran tidak segerak/*asynchronous learning* juga diamalkan melalui video *YouTube* dan bahan pengajaran yang dimuat naik dalam tapak *Google Classroom*. Walaupun proses mengajar piano secara atas talian merupakan norma baharu, tetapi pengalaman

mencurahkan ilmu pengetahuan tentang teknik permainan telah menunjukkan banyak manfaat. Antara teknik yang telah diaplikasikan oleh tenaga pengajar semasa kelas piano bersama siswa guru adalah dengan bermain secara *live* teknik permainan yang betul, memerhati dan menganalisis video *YouTube* yang dimuat naik dalam *Google Classroom* serta sesi interaksi dialog dan refleksi tentang cara permainan setiap individu serta rakan sekelas.

Antara kelebihan yang diperhatikan melalui sesi interaksi atas talian adalah dari segi peningkatan minda serta kemahiran kognitif setiap siswa guru. Peluang untuk menunjukkan kemahiran bermain skel/lagu melalui pelbagai teknik permainan piano yang dipelajari telah membuktikan bahawa keyakinan siswa guru bermain di depan rakan sekelas tidak menjadi penghalang dalam proses menimba pengetahuan dan pengalaman baru. Malah segala rintangan dan cabaran semasa mengajar secara segerak dan belajar secara tidak segerak telah menjadi pendorong kepada tenaga pengajar untuk memastikan setiap siswa guru pendidikan muzik memperolehi keputusan amat cemerlang/*distinction* dalam peperiksaan amali piano pada peringkat antarabangsa. Proses mengajar dan belajar piano secara dalam talian merupakan transformasi yang telah mendorong ramai tenaga pengajar piano serta siswa guru pendidikan muzik untuk menjadi lebih kreatif dengan mencungkil bakat setiap insan dalam abad ke-21.



*Sumber foto: Koleksi penulis*

## **POTENSI BUSKING SEBAGAI AKTIVITI PENGAYAAN DALAM MENGEMBANGKAN KEMAHIRAN PERSEMBAHAN MUZIK PELAJAR DI SEBUAH UNIVERSITI AWAM**

Disediakan oleh: Husnil Amin Bin Zakaria (Universiti Pendidikan Sultan Idris)

Kemahiran persembahan muzik merupakan satu bidang yang mempunyai skop yang sangat luas. Antara bidang yang perlu diberi perhatian dalam kemahiran persembahan muzik meliputi kemahiran sebelum, semasa dan selepas (Ekholm & Patersson, 2021). Hal ini sangat penting bagi menjamin perkembangan pendidikan muzik khususnya perkembangan dalam bidang kemahiran persembahan. Pendidikan amnya dan pendidikan muzik khususnya merupakan kunci utama dalam usaha mengembangkan bidang ini. Tunjang penting kepada perkembangan pendidikan muzik pula adalah guru atau pensyarah muzik. Oleh sebab itu, guru atau pensyarah muzik perlu kreatif dalam membantu mengembangkan lagi bidang kemahiran persembahan muzik ini.

Menurut Kelly (2015), guru muzik perlu kreatif dalam pengajaran serta peka terhadap suasana sekeliling pelajar yang boleh membuatkan pelajar dapat menghubungkan apa yang dipelajari di dalam kelas dengan realiti sebenar kehidupan mereka. Di sini timbul aktiviti *busking* yang merupakan situasi sebenar dan menjadi aktiviti para pelajar muzik di Fakulti Muzik dan Seni Persembahan Universiti Pendidikan Sultan Idris yang mahukan bakat dan minat mereka terhadap muzik dapat dipertontonkan di khalayak ramai. Persembahan *busking* yang dimaksudkan ialah aktiviti membuat persembahan jalanan di Lorong Mural, Tanjung Malim bersempena dengan aktiviti jual beli di pasar malam hari minggu. Perkataan *busking* merupakan kata pinjaman daripada perkataan Bahasa Inggeris yang membawa maksud aktiviti persembahan yang dilakukan oleh seniman jalanan yang terdiri daripada penyanyi atau pemuzik, pelakon atau pelawak.

Menurut Meor (2019), aktiviti *busking* di Malaysia berfungsi sebagai medium mencari rezeki dan membantu meningkatkan sektor pelancongan. Di sebalik kajian terhadap aktiviti ini, terlalu sedikit yang menyentuh terhadap fungsi *busking* sebagai medium pendidikan. Untuk tujuan itu, program pengayaan seperti *busking* dilihat mempunyai keupayaan untuk berfungsi dalam bidang pendidikan khususnya di peringkat universiti. Pengayaan adalah aktiviti tambahan kepada aktiviti-aktiviti asas pembelajaran yang dijalankan sama ada di dalam atau di luar waktu pembelajaran formal. Aktiviti pengayaan memberi peluang kepada pelajar mengembangkan minat, daya kreativiti, sifat ingin tahu, sikap berdikari, bakat kepimpinan serta melibatkan diri dalam membuat satu keputusan untuk diri sendiri, kumpulan dan masyarakat.

Kajian ini melibatkan empat orang subjek iaitu pelajar Diploma Muzik yang sedang menduduki Kursus Aplikasi Muzik. Berdasarkan prosedur kajian ini, setiap subjek perlu melibatkan diri dalam tiga kali sesi persembahan busking yang dilakukan di program Gerbang Seni, Lorong Mural Tanjung Malim. Subjek yang terdiri daripada pelajar Kursus Aplikasi Muzik dipilih bertujuan untuk meninjau sejauh mana aktiviti pengayaan seperti *busking* ini dapat mengembangkan lagi kemahiran asas yang dipelajari di dalam kursus tersebut.

Proses pemerhatian sebelum, semasa dan selepas serta temu bual pra dan pasca-busking dijalankan kepada subjek bagi mendapatkan penjelasan tentang kemahiran persembahan muzik yang dapat diperkembangkan melalui aktiviti busking. Penyelidik juga bertindak sebagai pemerhati bermula daripada sebelum, semasa dan selepas aktiviti busking. Seterusnya, proses temu bual dilaksanakan mengikut dua fasa iaitu fasa temu bual pra-*busking* iaitu fasa sebelum menjalankan *busking* dan fasa temu bual pasca-*busking* iaitu fasa selepas menjalankan busking. Temu bual pra-busking dibuat pada setiap aktiviti busking di kawasan persembahan. Selain itu juga, empat orang informan yang terlibat dalam kajian ini merupakan tenaga pengajar Kursus Aplikasi Muzik. Temubual kumpulan fokus dijalankan dengan para informan bagi tujuan triangulasi dapatan dan mendapatkan kesahan tentang kemahiran persembahan muzik yang dapat diperkembangkan melalui aktiviti *busking*.

Berdasarkan penyelidikan yang dijalankan, didapati bahawa aktiviti *busking* dapat mengembangkan kemahiran persembahan muzik dari aspek muzikal dan bukan muzikal. Kemahiran persembahan muzik dalam aspek muzikal yang dapat diperkembangkan ialah kemahiran bermain, penguasaan kualiti ton, penguasaan genre lagu, penguasaan stail lagu, ekspresi, kreativiti, adaptasi dan interpretasi. Manakala perkembangan kemahiran persembahan muzik dari aspek bukan muzikal pula ialah pengurusan persembahan, komunikasi, persona diri, kerjasama dan kawalan mental.

Sebagai kesimpulan, aktiviti busking dapat dijadikan satu platform pendidikan khususnya dari kaca mata pendidikan muzik kerana dilihat punyai potensi yang signifikan dalam membantu mengembangkan kemahiran persembahan muzik pelajar.

#### RUJUKAN

- Ekholm, E., & Petersson, A. (2021). How interactive musical instruments influence children with intellectual disabilities?: A user study of the Rullen Band.
- Kelly, S. N. (2015). *Teaching music in American society: A social and cultural understanding of music education*. NY: Routledge.
- Meor A. Y. (2019, July 27), Sejarah budaya busking di Malaysia. The Citymaker. <https://thecitymaker.com.my/sejarah-budaya-busking-di-malaysia/>

## PERKAITAN ANTARA REGISTER SUARA DENGAN PERLETAKAN SUARA DALAM NYANYIAN

Disediakan oleh: Dr. Fauzila Binti Abdul Latif (Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas)



Penguasaan teknik vokal dalam nyanyian merupakan satu kemahiran yang perlu dipelajari oleh seseorang penyanyi bagi mencapai mutu nyanyian yang menyeluruh. Kemahiran berkaitan teknik vokal ini tercabar lebih-lebih lagi apabila seseorang penyanyi ingin menyampaikan lagu bergenre klasikal. Ini adalah kerana kebanyakan repertoir klasikal memerlukan kemahiran penyanyi mengaplikasikan teknik vokal yang disarankan bagi memelihara kesihatan pita suara (vocal chord) seseorang penyanyi melalui kajian yang terdahulu. Repertoir klasikal juga mempunyai julat yang luas dari segi tahap kesukaran untuk dibawakan berbanding lagu genre pop yang kurang menuntut seseorang penyanyi mengamalkan teknik tertentu untuk dibawakan dan bersifat lebih dinamik. Selain cabaran dalam gubahan repertoir klasikal terhadap bukaan ranj yang lebih luas untuk dicakau oleh seseorang penyanyi, sering terdapat *ornaments and embellishments* yang perlu dipenuhi seperti *trill*, *mordents*, *appoggiatura*, *acciaccaturas*, *turns*, *vibrato*, *staccato*, *legato*, *slide* dan sebagainya yang perlu ditonjolkan oleh seseorang penyanyi dalam penyampaian bergantung pada lagu yang dibawa. Justeru terdapat banyak aspek perlu disedari oleh seseorang penyanyi yang cenderung menyampaikan lagu genre klasikal berbanding genre lainnya. Walaupun genre lagu pop juga mempunyai teknik tertentu yang memerlukan perhatian para penyanyi, perbincangan ini adalah berfokus terhadap genre klasikal kerana asas dalam menguasai sesuatu yang lebih sukar akan memudahkan seseorang penyanyi mengadaptasi terhadap genre yang lainnya mengikut kesesuaian suara seseorang.

**Trill** 

**Mordents** 

**Appoggiatura** 

**Acciaccaturas** 

**Turns** 

### Rajah 1: *Ornaments and Embellishments*

Sumber: <https://www.macprovideo.com/article/music-theory-and-education/music>

Antara teknik vokal yang perlu diketahui seseorang penyanyi adalah seperti postur, pernafasan, *phonation*, *resonance*, artikulasi, register, perletakan suara, lontaran suara dan intonasi. Perbincangan akan berfokus hanya kepada register dan perletakan suara kerana didapati kebanyakan maklumat terpesong dari tafsiran terhadap dua perkara ini. Pengetahuan terhadap semua aspek dalam teknik vokal dapat membantu para penyanyi membuat perkaitan di antara satu teknik dengan teknik yang lainnya. Ini adalah kerana setiap aspek dalam teknik vokal sememangnya berhubung di antara satu sama lain bagi mencapai hasil yang terbaik, namun kemahiran mensintesis perhubungan ini perlu ditekankan agar setiap individu dapat membuat justifikasi yang tepat bagi mencapai proses pengajaran dan pembelajaran yang lebih bermakna.


Register suara sepertimana yang banyak diterangkan dalam pelbagai sumber bacaan adalah berupa pecahan suara yang berkaitan tekstur bunyi yang dihasilkan oleh seseorang manusia. Register asas terbahagi kepada tiga bahagian iaitu register suara dada, register suara pertengahan dan register suara kepala. Walaubagaimanapun, ada pendapat meletakkan register kepada lima bahagian yang terdiri daripada sub register seperti *vocal fry*, *falsetto* dan *whistle*.

*Vocal registers nomenclature is probably the most controversial problem. In history, mainly voice pedagogues named the vocal registers, their description was non-uniform and not objectively documented. Different groups of pedagogues described and divided vocal registers in different way, so that there could be different names for similar registers. (Fric, Sram, dan Svec, 2006)*

*There are different registers for singing and speech. In speech pulse (vocal fry); chest/modal; falsetto and whistle registers are recognized (in ascending scale to pitch); in singing the chest; head and falsetto for males; and chest; middle and head for females. Occasionally there is described the flageolet register. (Thurman, Welch, Theimer, dan Klitzke, 2004)*

Apapun pecahan yang ditafsir oleh pengkaji terdahulu, ia menggambarkan pecahan tekstur bunyi suara yang berkaitan dengan ton yang dihasilkan mengikut ketinggian pic yang dinyanyikan. Sebagai contoh; jika lagu yang dinyanyikan dalam pic rendah, maka tekstur suara yang kedengaran boleh disifatkan sebagai lebih tebal, garau, gelap ataupun berat. Bagi pic pertengahan akan menyebabkan seseorang penyanyi menyampaikan bunyi suara seperti percakapan biasa yang teksturnya kedengaran sederhana tebal, manakala untuk pic tinggi pula biasanya bunyi tektur suara yang terhasil akan kedengaran lebih nipis, nyaring, terang ataupun ringan. Perubahan bunyi tekstur suara yang terhasil ini biasanya

bergerak atau berubah dengan sendirinya selari mengikut pic yang dinyanyikan seseorang. Adalah agak mustahil untuk menggunakan register dada untuk menyanyikan pic yang tinggi, begitu juga sebaliknya; seperti untuk menyanyikan pic yang rendah dengan menggunakan register kepala. Sekiranya ini berlaku kemungkinan penyanyi telah menyanyikan pic tersebut secara *transpose* satu oktif rendah atau satu oktif tinggi untuk mereka mencapai nyanyian pic yang sama tetapi dalam oktaf yang berbeza.



**Rajah 2: Kawasan Register Suara**

Sumber: <https://ramseyvoice.com/singing-techniques/>

Pengetahuan tentang register suara ini adalah supaya penyanyi faham bagaimana penyatuan (*blending*) sepanjang menyanyikan sesebuah lagu terutama yang melibatkan pergerakan *conjunct* dan *disjunct* not yang terdapat dalam gubahan lagu genre klasikal. Seseorang penyanyi yang mampu membawa sesebuah karya dengan kurang mempamirkan pecahan register sepanjang nyanyian mereka dianggap sangat mahir dalam mengawal tindakan otot-otot yang terlibat dalam pengeluaran suara. Sepertimana kata-kata yang dipetik dari buku '*Caruso and the art of singing*' oleh Fucito dan Beyer (1922):


*That it was his large vocal power and the ringing tones of his upper range which stirred the greatest number of his hearers, there is no doubting; but the keener and more cultivated listeners were impressed by the delicate and finely spun phrasing, by the exquisite musical delivery, and by that manliness which reveals the sincerity of an artist. (pg: 55)*

*Even at that time he carried his voice with great skill throughout a wide compass and sang each tone, from the lowest to the highest, with a purity and roundness that*



*captivated his auditors. The voice he had brought to the Metropolitan was a tenor of fine texture, both velvety and opulent in quality; but it was the warmth and magnetism of his tones that moved his hearers and compelled their enthusiasm. (pg: 57 – 58)*

Justeru haruslah difahami oleh setiap penyanyi apa yang dimaksudkan dengan register dan apa pula yang dimaksudkan dengan perletakan suara (*voice placement*). Perletakan suara adalah menjurus pada di mana sensasi bunyi diletak sewaktu bernyanyi tanpa mengira register mana yang digunakan oleh seseorang penyanyi. Perletakan suara dalam nyanyian klasikal biasanya digalakkan merasakan sensasi bunyi di kawasan sekitar hidung (*nasal cavity*) atau *mask area* bagi menjamin kelantangan bunyi tanpa memberi penekanan (*tension*) di bahagian pita suara (*vocal chord*). Sebagai contoh; seseorang menyanyikan nada rendah dengan menggunakan register dada meletakkan sensasi bunyi di sekitar hidung, begitu juga apabila beliau menyanyikan pic tinggi dengan penggunaan register kepala, perletakan suara tetap disensasikan di bahagian hidung. Ini menunjukkan apapun register suara yang digunakan, ia tetap berfokus pada satu titik sensasi iaitu dibahagian hidung (*mask area*).



**Rajah 3: Kedudukan Arah Panah Peletakan Suara dan Kawasan Segitiga**

### **Perletakan Suara di Sekitar Hidung dan Dahi**

(Sumber: Fauzila, 2018)

Jelas disini bahawa maksud register dan perletakan suara adalah berbeza yang mana register merujuk pecahan suara mengikut pic yang dinyanyikan, manakala perletakan suara adalah merujuk pada sensasi di mana bunyi suara itu akhirnya disalurkan. Menurut Edwards (2019), realitinya perletakan suara hanyalah ilusi seseorang, seseorang boleh merasakan perletakan di kawasan hidung, langit keras, bahagian kepala, atau di mana sahaja yang difikirkan oleh seseorang penyanyi. Perletakan suara ini juga boleh dibahagikan kepada sub-sub perletakan bergantung ton suara jenis apa yang ingin dicapai

oleh seseorang penyanyi. Terdapat ton suara terang (nipis), sederhana dan gelap (tebal). Contohnya sekiranya seseorang ingin menyampaikan pic tinggi tetapi inginkan ton yang gelap maka penyanyi perlu mengawal bukaan mulut dan merendahkan larynx dibahagian tekak bagi mendapatkan bunyi yang gelap pada pic yang tinggi. Untuk mencapai ton suara yang bunyi mendalam pula memerlukan penyanyi mengawal pengeluaran suara dengan meletakkan sensasi bunyi di bahagian belakang leher (larynx) dan bukan lagi terletak di *nasal cavity*.

Aspek *resonance* juga bersangkutan paut dengan register dan peletakan suara yang sering menjadi kekeliruan antara para penyanyi. Penekanan terhadap aspek *resonance* ini selaras dengan pendapat yang menganggap *resonance* adalah faktor yang paling penting mempengaruhi *timbre* atau kualiti vokal (McKinney, 1994). Justeru, nyanyian bukan sahaja melibatkan fizikal tetapi memerlukan pemikiran atau mental bagi membolehkan koordinasi tubuh badan memberi bertindak balas sewajarnya ketika menyampaikan nyanyian. Kefahaman berkaitan teknik vokal yang dinyatakan tadi serta kemampuan membuat sintesis sebelum mengintegrasikan kesemua kemahiran teknik vokal dapat memberi kefahaman lebih jelas yang membolehkan penyanyi meningkatkan persembahan nyanyian dan mengaitkan pengetahuan mereka terhadap genre lagu yang pelbagai dengan lebih efisien.

**Rujukan:**

- Edwards, M. (2019). *Mix it up Monday: Allow placement to reveal itself, don't force it.* (2021, August 26). <https://edwardsvoice.wordpress.com/2019/09/30/mix-it-up>
- Fauzila Abdul Latif. (2018). *Pelaksanaan kaedah latihan vokal oleh konduktor dan kesanya terhadap kualiti nyanyian dalam kalangan kumpulan koir di Semenanjung Malaysia.* Tesis yang tidak diterbitkan. Universiti Putra Malaysia.
- Fric, M., Sram, F., Svec, J. G. (2006). Voice register, voice folds vibration patterns and their presentation in videokymography. *Acoustics High Tatras 06 – 33<sup>rd</sup> International Acoustical Conference.*
- Fucito, S., & Beyer, B. J. (1922). *Caruso and the art of singing.* Frederick A. Stokes Company Publishers.
- McKinney, J. (1994). *The diagnosis and correction of vocal faults.* Genevox Music Group.
- Ramsey, M. (2021, August 26). *Chest voice and head voice.* Ramsey voice studio. <https://ramseyvoice.com/singing-techniques/>
- Thurman L., Welch G., Theimer A., Klitzke C. (2004). Addressing vocal register discrepancies: an alternative, science-based theory of register phenomena. *Second International Conference The Physiology and Acoustics of Singing National Center for Voice and Speech.* Denver, Colorado, USA.

## **KREATIVITI MUZIK : AMALAN DAN PELAKSANAAN PENGAJARAN PERINGKAT AWAL KANAK-KANAK SEKOLAH DI MALAYSIA**

Disediakan oleh: Dr. Juriani Binti Jamaludin (Fakulti Muzik, Universiti Teknologi MARA)



Kreativiti adalah kemampuan untuk menjana atau menghasilkan idea asli dan berguna, mencari sesuatu idea baru, membina logik berfikir dan membina inovasi. Kreativiti perlu diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran pada peringkat awal kanak-kanak. Kreativiti merupakan kekuatan yang dapat membantu kanak-kanak dalam mengembangkan potensi individu sepenuhnya. Ini selaras dengan matlamat Kementerian Pendidikan Malaysia dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM 2013-2025) bagi melahirkan modal insan yang kreatif dan inovatif dalam kalangan murid di sekolah.

Dalam konteks kreativiti dalam bilik darjah, guru seharusnya menyediakan persekitaran dan merancang aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang dapat merangsang pemikiran kreatif kanak-kanak. Kanak-kanak sentiasa mempunyai sifat ingin tahu, berminat, bersemangat dan memberi perhatian untuk belajar perkara baru. Aktiviti bermain adalah merupakan salah satu kaedah pembelajaran yang dapat meningkatkan pemikiran kreatif kanak-kanak di samping dapat membantu kanak-kanak terlibat dalam gaya pembelajaran secara semulajadi.

Pergerakan kreatif secara umum seringkali dikaitkan dengan pernyataan idea, perasaan dan emosi yang dapat dipupuk kepada kanak-kanak dalam aktiviti berasaskan permainan. Semasa bermain, kanak-kanak bebas terlibat dengan cara mereka sendiri sesuai dengan kefahaman diri mereka selain menghasilkan pergerakan tanpa sekatan dan had yang ditetapkan oleh guru. Kreativiti muzik dapat membantu meningkatkan kesediaan kanak-kanak dalam mengembangkan interpretasi mereka mengenai irama, koordinasi badan dan memanipulasi pengalaman yang ada dalam menyatakan perasaan kanak-kanak.

Di Malaysia, Pendidikan Muzik dilihat sebagai salah satu kaedah penyampaian yang berkesan dalam memperkukuhkan dan mengembangkan kreativiti dan perkembangan kognitif kanak-kanak. Para pendidik muzik di sekolah seharusnya memainkan peranan yang penting dalam mempraktikkan elemen inovasi dan kreativiti dalam proses pengajaran dan pembelajaran melalui pelaksanaan kurikulum Pendidikan Kesenian. Bagi mengekalkan minat murid dalam memupuk pemikiran kreatif dalam pengajaran muzik, guru seharusnya

mempelbagaikan pendekatan kaedah serta memperkukuhkan bahan pengajaran yang lebih berkesan.

Dalam pengajaran melalui kaedah Kodály membolehkan murid terlibat secara aktif dalam komposisi dan improvisasi di samping mengembangkan kemampuan muzik dalam menyusun muzik secara kreatif. Sebagai seorang guru muzik yang mengajar di sekolah, pelaksanaan aktiviti muzik secara menyeluruh seharusnya tidak terbatas kepada dasar kurikulum yang diwajibkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Pendekatan kreativiti ini seharusnya dapat diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran muzik diperingkat awal kanak-kanak di samping dapat mendorong kreativiti dan imaginasi serta mempromosikan kemampuan kanak-kanak bagi meneroka dan memahami dunia sebenar pembelajaran muzik.



*Sumber foto: Koleksi penulis*

## CABARAN-CABARAN YANG DIHADAPI OLEH GURU BAGI MATA PELAJARAN PENDIDIKAN MUZIK DI MALAYSIA

Disediakan oleh: Raja Nadiah Binti Raja Zaharuddin Shah (SK Sungai Penchala, Kuala Lumpur)

Pandemik COVID-19 telah memberi satu impak yang sangat besar terhadap sektor pendidikan di seluruh negara. Seluruh institusi pendidikan negara kita dari tadika, pra sekolah, sekolah rendah, sekolah menengah, dan juga institusi-institusi pengajian tinggi terpaksa tutup bagi mengelakkan wabak COVID-19 ini merebak secara berleluasa. Maka pengajaran dan pembelajaran di rumah yang dikenali sebagai PdPR telah




dilaksanakan bagi memastikan tidak ada murid yang tercicir dalam pendidikan. Dengan itu, saya telah menjalankan sebuah kajian tinjauan secara kuantitatif dengan menggunakan borang *google form* untuk mengenal pasti apakah cabaran-cabaran yang sedang dihadapi oleh guru-guru Pendidikan Muzik sekolah rendah di sekitar kawasan Lembah Klang iaitu kawasan Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Seramai 303 orang guru Pendidikan Muzik telah menjadi sampel bagi kajian tinjauan ini. Walaupun guru-guru mengajar di kawasan bandar, namun saya percaya mereka masih juga menghadapi cabaran-cabaran seperti dari segi sumber, pelaksanaan dan pentaksiran.

Seramai 40.3% orang guru telah menyatakan bahawa sumber untuk mendapatkan latihan bertulis berkenaan mata pelajaran Pendidikan Muzik ketika PdPR semasa pandemik COVID-19 adalah sukar. Terdapat banyak sumber bertulis Pendidikan Muzik di luar yang berkaitan dengan teori Pendidikan Muzik tetapi kebanyakannya adalah dalam Bahasa Inggeris. Ramai guru ingin mendapatkan latihan dalam Bahasa Melayu serta ianya selaras dengan penggunaan Buku Teks kerana Buku Teks telah menjadi panduan utama bagi semua guru dan murid. Walau bagaimanapun, guru boleh menghasilkan latihan tersendiri dengan merujuk Buku Teks serta memastikan ianya sesuai dengan tahap murid masing-masing kerana tidak semua murid mempunyai tahap pengetahuan yang sama. Guru perlulah memastikan mereka mempunyai ilmu pengetahuan asas berkenaan Pendidikan Muzik bagi menghasilkan latihan yang sesuai untuk murid.

Terdapat pelbagai jenis sumber di mana kita dapat perolehi bahan-bahan berkaitan Pendidikan Muzik seperti dari kedai-kedai buku dan juga laman sesawang seperti *YouTube* dan sebagainya. Walaupun bahan-bahan yang dapat kita perolehi adalah dalam Bahasa Inggeris, kita sebagai warga pendidik perlulah mempunyai sifat ingin belajar dan

meningkatkan ilmu pengetahuan dengan belajar secara berterusan kerana ilmu pengetahuan tidak akan pernah habis. Semakin lama kita berada di bidang pendidikan, semakin banyak ilmu kita perlu perolehi supaya kita dapat mencurahkan semula kepada anak bangsa kita di mana masa depan berada di tangan mereka.



Sumber foto: Koleksi penulis

**NOTA**  
**APA ITU RENTAK?**  
 • Rentak merupakan corak inang yang terdiri daripada not pendek, not panjang dan juga tanda rehat.

**Jam kita kenal 4 jenis rentak.**

1. Rentak Inang
2. Rentak Waltz
3. Rentak Masri
4. Rentak Mac

**1. RENTAK INANG**

Rentak Inang

Rentak Inang 2

Sumber foto: Koleksi penulis

## **INKLUSIVITI DAN AKSESIBILITI BUDAYA ETNIK DALAM PENDIDIKAN MUZIK MALAYSIA**


Disediakan oleh: Muhammad Syaraff bin Alwi (SK Sungai Dua, Pahang)

Aksesibiliti kepada Pendidikan dalam kalangan kaum Orang Asli di Malaysia telah lama diperbincangkan dan terdapat penambahbaikan yang telah dilakukan dengan adanya Transformasi Pendidikan Orang Asli dan Pribumi. Namun begitu, fokus kepada Pendidikan Muzik belum banyak lagi diperbincangkan. Oleh hal yang demikian, semasa Persidangan Pendidikan Muzik Malaysia 2021 (MusEd'21) anjuran MAME dan Fakulti Muzik UiTM yang lalu, isu ini telah dibincangkan secara khusus dalam satu forum khas yang dikendalikan oleh Dr. Ahmad Rithaudin dan penulis sendiri sebagai panel forum tersebut. Secara umumnya, terdapat tiga kelompok utama Orang Asli yang dikategorikan mengikut genetik iaitu Semang (Negrito), Senoi, dan Melayu-Proto manakala terdapat sekurang-kurangnya 18 etnik Orang Asli di Malaysia. Antara faktor yang menjadi cabaran utama dalam mendidik murid Orang Asli ialah sikap sambil lewa iaitu enggan hadir ke sekolah, cabaran perbezaan bahasa ibunda dengan bahasa pengantar serta berbeza budaya, dan kemudahan infrastruktur dan bahan sumber yang sangat terhad.

### **Pendekatan**

Kunci utama di sini ialah memahami murid-murid ini berdasarkan perspektif budaya mereka, serta budaya etnik sebagai alat utama untuk mendekati dan memahami mereka. Apabila guru-guru dapat memahami perspektif budaya Orang Asli, proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) akan menjadi lebih mudah. Dr. Tyson Yunkaporta pada 2009 telah membuat kajian berkenaan gaya pembelajaran pribumi berdasarkan perspektif budaya mereka. Beliau ialah seorang pengkaji dari Australia yang banyak mengkaji tentang masyarakat pribumi di sana.

Terdapat lapan gaya pembelajaran berdasarkan perspektif pribumi yang digariskan oleh Dr. Tyson, dan telah dijadikan asas dalam pendekatan pedagogi pribumi yang penulis gunakan. Pendekatan ini sangat berkesan dalam proses PdP yang akan penulis huraikan nanti.






Dr. Tyson Yunkaporta, 2009

Rajah 1: 8 Gaya Pembelajaran Pribumi

Gaya pembelajaran pribumi dalam rajah di atas dapat dihuraikan seperti jadual berikut:

Simbol	Maksud	Penerangan
	Kongsi Cerita	Pendekatan pengajaran melalui naratif/bercerita
	Membentuk Struktur	Visualisasi sesuatu proses
	Non-Verbal	Aktiviti 'hands-on', kemahiran intra-personal
	Hubungan Dengan Alam/ Tempat Tinggal	Perkaitan alam semulajadi dan kawasan setempat/ tempatan
	Hubungan Dengan Alam/ Tempat Tinggal	Pemikiran secara lateral, kreatif dan tidak terikat



	Imej Dan Simbol	Penggunaan simbol/ imej dan metafora
	Membina/ Bina Semula	Pendekatan daripada umum kepada spesifik; lihat dan buat
	Hubungan Dengan Komuniti	Berpusatkan komuniti tempatan; aplikasi pembelajaran untuk kebaikan komuniti setempat


*Jadual 1: Penerangan Perspektif Pengajaran Pribumi*

Berdasarkan perspektif inilah, penulis telah mengubah pendekatan pengajaran dengan menggunakan cerita rakyat sebagai asas atau kerangka dalam aktiviti muzikal. Selain daripada itu, penulis mendengar sendiri cerita daripada murid-murid untuk mendapatkan maklumbalas mereka terhadap PdP Muzik.



*Sumber foto: Koleksi penulis*

Aktiviti PdP Muzik juga perlu menggunakan banyak aktiviti 'hands-on' dan lebih bimbingan serta tunjuk cara – lihat dan buat. Pendekatan 'rote before note' amat sesuai diaplikasikan, serta menggunakan simbol-simbol yang dekat dengan mereka bagi menggantikan notasi muzik. Simbol-simbol dengan unsur alam sangat disukai oleh mereka. Selain daripada itu, unsur alam dimanfaatkan sepenuhnya sebagai bahan sumber dalam PdP Muzik contohnya menggunakan buluh dan pelepah pisang sebagai alat muzik improvisasi.



Sumber foto: Koleksi penulis

PdP Muzik seringkali dijalankan luar dari bilik darjah (sebelum pandemik COVID-19 melanda) kerana kaum Orang Asli ini lebih dekat dengan alam semulajadi. Alam semulajadi juga dijadikan unsur-unsur utama dalam aktiviti muzikal. Selain daripada itu, muzik tradisional dan muzik semasa kaum Orang Asli juga diangkat sebagai repetoir dalam Pendidikan Muzik untuk menarik minat mereka.

## Implikasi

Pendekatan pengajaran muzik berdasarkan perspektif pribumi telah memberi banyak impak positif. Antaranya kehadiran murid meningkat, enrolmen murid ke asrama juga meningkat berdasarkan data Aplikasi Pangkalan Data Murid (APDM) selama tiga tahun berturut-turut. Disiplin dan keyakinan diri murid juga turut meningkat. Selain daripada itu, inklusiviti (ketrangkuman) budaya etnik dapat meningkatkan minat murid dalam Pendidikan Muzik serta membantu penguasaan kemahiran muzikal formal secara tidak langsung.

26	SK SUNGAI DUA, BENTONG	ANUGERAH KEHADIRAN TERBAIK KATEGORI SEKOLAH ASLI
----	------------------------	---

## Penutup

Penulis berharap agar lebih banyak kajian dan perbincangan dapat dilaksanakan berkaitan Pendidikan Muzik dalam kalangan Orang Asli kerana mereka secara semulajadinya adalah kaum yang begitu rapat dengan unsur muzik kerana kemahiran muzikal (nyanyian, instrumental dan tarian) adalah sebahagian budaya dan amalan mereka.



# **MAME1000 Membership Campaign! Register Here**

<https://register.mame.org.my>

- **Registration Fee : RM20**
- **Membership Fee : RM100 (Bi-annually)  
or RM150 (Lifetime Membership)**

**Special Prize for the first MAME  
member who recruits 10 new members  
(Be sure that they write your name as  
introducer in their registration form)**

For More Information: [mamebaru2016@gmail.com](mailto:mamebaru2016@gmail.com)



**PERSATUAN PENDIDIKAN MUZIK  
MALAYSIA BARU (MAME BARU)**

Made with PosterMyWall.com

# MAME Online Webstore

Kedai penjualan hasil terbitan MAME telah diperkenalkan bagi memudahkan pembelian buku-buku dan CD terbitan MAME atas talian.




The screenshot displays the MAME Online Webstore interface. At the top left is the MAME logo, and at the top right are navigation links: Home, Forums, Shop, Members, and Login. A header banner reads "Malaysian Association for Music Education (MAME) Baru" with the subtitle "Malaysian Association for Music Education (MAME) Baru Member's Site". Below this is a "Shop" section with filters for "Books (5)" and "CD (5)". A "Showing all 10 results" indicator is present. A dropdown menu is set to "Default sorting". The products are arranged in a grid:

- Malay Folksongs from Malaysia 4 Books Set (RM115.00) - Read more
- Malay Folksongs from Malaysia 4 CD Set (RM120.00) - Add to cart
- Malay Folksongs from Malaysia for Beginner Piano (RM25.00) - Add to cart
- Malay Folksongs from Malaysia for Beginner Piano CD (RM30.00) - Add to cart
- Malay Folksongs from Malaysia for Piano 4 Hands CD (RM30.00) - Add to cart
- Malay Folksongs from Malaysia for Piano Four Hands (RM30.00) - Read more
- Malay Folksongs from Malaysia for Piano Solo (RM30.00) - Add to cart
- Malay Folksongs from Malaysia for Piano Solo CD (RM30.00) - Add to cart
- Malay Folksongs from Malaysia for Voice and Piano (RM30.00) - Add to cart
- Malay Folksongs from Malaysia for Voice and Piano CD (RM30.00) - Add to cart

At the bottom, there is a footer with "Copyright © All rights reserved." on the left and "Proudly powered by WordPress | Theme: obulma by Ntambar Sharma." on the right.

# MAME Membership Sites

MAME Membership site merupakan platform kepada ahli- ahli yang telah mendaftarkan sebagai ahli untuk mengemaskini butiran rekod keahlian, penyemakan keahlian dan untuk mengakses sumber terhad yang dikhususkan kepada ahli.



## Members' Offers

# 5% Discount

## Any purchase of instrument

### Fresco Music Center

49-1, 49-2, Jalan Temenggung 19/9,  
Bandar Mahkota Cheras, 43200 Batu 9  
Cheras, Selangor

03-9075 5530

<https://g.co/kgs/rHig7p>

Persatuan Pendidikan Muzik Malaysia (MAME) Baru  
d/a Fakulti Muzik,  
Aras 11 , Menara SAAS,  
Universiti Teknologi MARA (UiTM),  
40450 Shah Alam,  
Selangor Darul Ehsan  
MALAYSIA  
Tel: 03-55442724

Read MAME Bulletin Online

<http://www.mame.org.my>